

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Taman Langat Utama, Langat Murni disahkan 'bebas'

Kuala Langat: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara pentadbiran di Taman Langat Utama dan Taman Langat Murni di Bukit Changgang, di sini, ditamatkan pada jam 11 pagi semalam.

Pegawai Daerah Kuala Langat, Mohd Jusni Hashim, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) juga sudah selesai melakukan ujian saringan COVID-19 terhadap semua penduduk di kawasan terbabit, dengan sembilan orang disahkan positif dan masih menjalani rawatan di Hospital Sungai Buloh.

"Enam rakyat tempatan dan masing-masing seorang warga Nepal, Bangladesh serta Thailand disahkan positif COVID-19," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Taman Langat Utama dan Taman Langat Murni diletakkan di bawah PKP secara pentadbiran sejak 2 Jun lalu, memabatkan kira-kira 9,000 penduduk dengan 30 peratus warga asing.

Media sebelum ini melaporkan, kawasan berkenaan dikenakan PKP secara pentadbiran selepas 20 warga asing yang bekerja dengan sebuah syarikat pembersihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan tinggal di taman terbabit, disahkan positif COVID-19.

Mohd Jusni berkata, hasil kajian mendapati semua individu disahkan positif wabak itu tiada kaitan dengan kluster pekerja warga asing berkenaan.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka mendapat jangkitan dari luar, selain tidak mengamalkan penjagaan kesihatan dan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM.

Pemulihan COVID-19

Lebih 90 peratus kes pulih

333 jangkitan dilapor semalam, angka tertinggi dicatatkan sejak PKP

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lebih 90 peratus kes COVID-19 di negara ini pulih termasuk 333 kes dilaporkan semalam yang menjadi angka tertinggi pernah dicatatkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa pada 18 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah,

berkata jumlah itu memabatkan 307 kes dalam kalangan bukan warganegara dan 26 lagi warga Malaysia.

Katanya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif pesakit pulih kini mencecah 7,733 orang atau 90.9 peratus daripada angka keseluruhan kes wabak berkenaan.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, beliau berkata, 11 jangkitan baharu dilaporkan yang membawa kepada jumlah kumulatif 8,505 kes di negara ini, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 ialah 651.

"Daripada 11 kes baharu dilaporkan, satu adalah kes import memabatkan warganegara yang

mendapat jangkitan di luar negara.

"Bagi 10 kes penularan dalam negara pula, enam memabatkan bukan warganegara, manakala empat lagi warganegara.

"Hingga kini, empat kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan tiada kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.


Menperincikan enam jangkitan baharu dalam kalangan bukan warganegara, Dr Noor Hisham berkata, dua kes dikesan di Kuala Lumpur, iaitu satu ketika saringan untuk masuk kerja dan satu lagi dikesan melalui Kluster Tapak Pembinaan Kuala Lumpur 2.

"Empat kes lagi dikesan di Negeri Sembilan iaitu tiga bagi Kluster Pedas dan satu bagi Kluster Syarikat Pembersihan.

"Bagi perincian kes penularan dalam negara yang memabatkan warganegara pula, satu adalah di Selangor menerusi kes saringan prapembedahan di Hospital Putrajaya dan kemudian dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor.

"Tiga lagi kes dikesan di Sarawak memabatkan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 iaitu kes 8,453. Mereka adalah ahli keluarga kepada kes berkenaan," katanya.

Namun, Dr Noor Hisham memaklumkan, tiada kematian baharu dicatatkan dengan jumlahnya kekal 121 kes atau 1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19.



Grafik BH

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my


Kuching

Tiga lagi kes positif Covid-19 dilaporkan di Sarawak semalam dengan semuanya dikesan di Bintulu.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, ketiga-tiga kes membabitkan satu keluarga yang ada kontak rapat dengan seorang penuntut perempuan yang disahkan positif

Tiga kes positif di Sarawak

Semua mangsa daripada satu keluarga ada kontak rapat dengan penuntut IPTA



Covid-19, Ahad lalu.

"Semua kes itu disahkan positif Covid-19 hasil saringan dan pengesanan kontak kepada kes ke-557 di Sarawak.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Sarawak kepada 560 mangsa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kes ke-557 membabitkan penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Mukah yang pulang ke kampungnya di Bintulu apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pertengahan Mac lalu.

Siasatan mendapati penuntut itu pernah mene-

rima kunjungan saudara-mara pada Aidilfitri, baru-baru ini.

Terkini, Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu sedang mengesan semua kontak rapat penuntut terabit.

Katanya lagi, tiada kes baharu sembuh dan discaj dari hospital semalam men-

jadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang sembuh kekal 534.

"Sembilan mangsa masih menerima rawatan di wad isolasi," katanya.

Covid-19 meragut 17 nyawa di Sarawak dengan korban pertama membabitkan lelaki berusia 60 tahun pada 17 Mac lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

HKT kesan waris dua pesakit warga emas

Kota Tinggi: Pengurusan Hospital Kota Tinggi (HKT) meminta bantuan orang awam bagi mengesan waris dua pesakit warga emas yang menerima rawatan di situ.

Jurucakap HKT berkata, dua pesakit itu dimasukkan ke wad kira-kira dua bulan lalu dan sehingga kini belum ada waris menuntutnya selepas mereka dilaporkan sihat dan sudah dibenarkan pulang.

Katanya, O Mahyandi, 61, mula mendapatkan rawatan untuk sakit *recurrent cerebrovascular accident* sejak 26 Mac lalu dan kini ditempatkan di wad isolasi HKT.

"Alamat terakhirnya di Jalan Puncak Bayu 10, Taman Pulau Bayu, Skudai, Johor Bahru.

"Menurut maklumat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) cawangan Johor Bahru, tiada maklumat keluarga dijumpai dan dia sudah dua bulan tinggal di HKT.

"Seorang lagi pesakit le-

laki iaitu Unknown YZ (tiada nama) berusia 60-an pula mendapatkan rawatan untuk sakit strok sejak 22 Mac lalu dan kini ditempatkan di wad sama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, pesakit Unknown YZ berkenaan bagaimanapun dimaklumkan dari JPN cawangan Johor Bahru, tiada maklumat keluarga dijumpai.

"Cap jari penama tiada padanan dengan pendaftaran kad pengenalan Malaysia, selain dia tidak mengingati nama dan umurnya.

"Sebarang maklumat keluarga dan nombor telefon gagal diperolehi daripada penama," katanya.

Sebarang maklumat lanjut mengenai waris mereka boleh disalurkan dengan menghubungi Pegawai Kerja Sosial Perubatan, Noor Amirah Mohd Salleh di talian 07-8831131 (sambungan 209) selain boleh hubungi wad isolasi di talian 07-8831131 (sambungan 211).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID-19

333 individu pulih

651 pesakit masih dirawat, tiada kematian direkod

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Angka pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital akibat dijangkiti coronavirus (Covid-19) menyusut kepada 651 kes selepas 333 orang pulih dan dibenar discaj semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, daripada 333 yang pulih, 307 kes adalah melibatkan warga asing dan 26 kes dalam kalangan warganegara.

"Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 ialah 7,733 kes bersamaan dengan 90.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.



Dalam pada itu, menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 11 kes baharu semalam.

"Daripada 11 kes baharu yang dilaporkan, satu merupakan kes import warganegara yang mendapat jangkitan di luar negara," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 10 kes penularan dalam negara melibatkan enam kes warga asing manakala

empat merupakan rakyat tempatan.

"Perincian kes penularan Covid-19 dalam negara dalam kalangan rakyat tempatan melibatkan satu kes saringan prapembedahan di Hospital Putrajaya dan pesakit kemudian dipindah ke Hospital Sungai Buloh, Selangor.

"Tiga kes dikesan di Sarawak iaitu kontak rapat kepada kes positif ke-8453. Mereka ialah ahli keluarga kepada kes ke-8453," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, sebanyak empat kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Tambahnya, tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 121 kes bersamaan dengan 1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

17 tapak pembinaan ditutup, gagal patuh SOP

KUALA LUMPUR - Dalam tempoh 20 April hingga 14 Jun lepas, sebanyak 17 tapak pembinaan di seluruh negara diarah tutup operasi buat sementara selepas didapati gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, tapak terbabit adalah antara 7,699 lokasi yang diperiksa oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam tempoh berkenaan.

"Selain itu, sebanyak 370 tapak pembinaan yang tidak patuh diberikan amaran," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan projek Bukit Bintang City Centre bagi memantau SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini semalam.


Menurut Fadillah, selain tidak patuh SOP, syarikat pembinaan yang terbabit juga tidak menerima kelulusan beroperasi daripada kerajaan negeri.

Sementara itu, ditanya mengenai kekusaran pemaaju akan dikenakan penalti kerana projek lewat disiapkan, beliau berkata, perkara tersebut akan diselesaikan menerusi undang-undang berkaitan Covid-19.

"Kerajaan akan membentangkan Rang Undang-Undang Covid-19 (Langkah-Langkah Sementara) apabila Parlimen bersidang bulan depan," katanya.

- Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm June 16, 2020)																	
												Malaysia	New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	
Asean+	China	Singapore	Indonesia	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos		11	8,505	121	7,733
Confirmed cases	83,221	40,969	40,400	26,781	17,502	12,155	3,135	334	262	141	128	19					
Deaths	4,634	26	2,231	1,103	925	278	58	0	6	3	0	0					
Recovered	78,377	30,366	15,703	6,552	15,686	10,760	2,993	323	175	138	125	19					
Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Italy	Peru	Iran	Germany							
Confirmed cases	2,182,979	867,882	545,458	344,527	296,857	291,189	237,290	232,992	189,876	188,044							
Deaths	118,286	44,118	7,284	9,924	41,736	27,136	34,371	6,860	8,950	8,885							
Recovered	890,015	464,774	294,306	180,464	N/A	N/A	177,010	119,409	150,590	173,100							

Another 11 new Covid-19 cases detected

PETALING JAYA: Malaysia has recorded 11 new Covid-19 cases, taking the total number of infections in the country to 8,505.

At the same time, 333 patients (307 foreigners and 26 citizens) recovered, bringing the number who were discharged to 7,783 cases, to give a recovery rate of 90.9%.

Of the 11 new cases, one was an imported case involving a Malaysian who returned from abroad, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He added that of the 10 local transmission cases, four involved Malaysians.

"Of the four, one case was a pre-surgery screening at the

Putrajaya Hospital that was later transferred to the Sungai Buloh Hospital, while three others were close contacts of case 8,453 in Sarawak," Dr Noor Hisham said in a statement.

He added that of the six foreigners, two were from Kuala Lumpur, and the remaining four from Negri Sembilan.

"One of the cases in Kuala Lumpur was a screening before going to work, while the other was part of the Kuala Lumpur Construction Site Cluster 2.

"Three of the cases in Negri Sembilan were part of the Pedas Cluster, while the remaining one was from the cleaning services company cluster," he said.